PETA KONSEP

TINGKATAN 4

Usaha Rundingan Kemerdekaan

Rundingan antara wakil Raja-raja Melayu dengan wakil Parti Perikatan

Membincangkan:
- Hal keselamatan.
- Hubungan British–Tanah Melayu.
- Perlembagaan negara yang akan merdeka.

Rundingan Kemerdekaan di London
(18 Januari – 6 Februari 1956)
Rundingan antara wakil Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan dengan British.

Perjanjian Kemerdekaan ditandatangani (8 Februari 1956)

Pengumuman tarikh kemerdekaan di Padang Banda Hilir, Melaka (20 Februari 1956)

Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

Ditugaskan untuk membincang, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Tugas dan Gerak Kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Meminta cadangan daripada semua penduduk yang berminat.
- Meneliti kedudukan perlembagaan bagi negeri dalam Persekutuan.
- Mengadakan persidangan untuk membincangkan pelbagai isu.

Langkah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka

- Memperoleh memorandum daripada pelbagai pihak.
- Mengeluarkan draf perlembagaan.
- Berbincang dengan kerajaan British tentang isu kewarganegaraan dan beberapa isu yang belum muktamad.
- Beberapa perubahan dan pindaan dibuat pada draf perlembagaan.
- Hasil pindaan disembah perkenan dan dibincangkan dalam Majlis Raja-Raja.
- Draf ini kemudiannya dibawa ke Majlis Perundangan Persekutuan untuk dibentangkan dan dibahaskan.
- Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu akhirnya diluluskan oleh Parlimen British di London dan kemudiannya diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.
- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuat kuasa secara rasminya pada 31 Ogos 1957.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

Inti pati/Perkara penting:
- Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen
- Kewarganegaraan
- Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
- Kedudukan agama Islam
- Kedudukan bahasa Melayu